

24 JUN 2003

Parlimen-Perlembagaan (Bahas)

WAKIL PAS CADANG PENUBUHAN PASUKAN PEMANTAU PROSES P/RAYA

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Seorang wakil pembangkang mencadangkan supaya diwujudkan satu pasukan pemantau bagi mengawasi proses perjalanan pilihan raya umum di negara ini agar ianya lebih telus.

Datuk Mustafa Ali (PAS-Dungun) berkata ia harus menjadi satu badan yang bebas dianggotai oleh wakil-wakil daripada pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) dan dari parti politik yang bertanding.

Katanya, antara isu yang boleh dipantau ialah soal perilaku calon-calon yang bertanding, proses perjalanan pilihan raya serta ceramah yang diadakan ketika berkempen atau meliputi isu-isu lain yang lebih luas.

"Pasukan pemantau ini perlu memandangkan beberapa perkara dan isu yang dibangkitkan ketika pilihan raya sebelum ini, tidak dapat diselesaikan dengan cara baik oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2003 pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Rang undang-undang itu telah dibentangkan hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan tujuan bagi meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan untuk menambah bilangan anggota Dewan Rakyat ekoran persempadanan semula bahagian pilihan raya oleh SPR dari 8 Ogos 2002 hingga 7 Sept 2002.

Tambahan yang dicadangkan pada persempadanan semula SPR ialah enam kawasan di Johor, masing-masing lima di Sabah dan Selangor, tiga di Pahang, dua di Pulau Pinang dan masing-masing satu di Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Cadangan menambah 25 kerusi Parlimen itu menjadikan keseluruhan kerusi Parlimen sebanyak 219.

Madius Tangau (BN-Tuaran) pula mencadangkan supaya SPR dalam kajian persempadanan semula kawasan pilihan raya di masa depan perlu menitikberatkan fakta sejarah berhubung peruntukan kerusi Parlimen di Sabah dan Sarawak.

Katanya, Sabah tidak mendapat peruntukan kerusi tambahan pada kajian persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh SPR sebelum ini walaupun jumlah penduduknya meningkat dengan tinggi dalam tempoh 10 tahun.

Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail (Keadilan-Permatang Pauh) mencadangkan supaya SPR melanjutkan tempoh berkempen semasa pilihan raya bagi memberi peluang kepada calon yang bertanding untuk bertemu dan melawat ke kawasan-kawasan yang terpencil.

"Tempoh lapan hari yang diberikan kini terlalu terhad terutamanya bagi calon yang bertanding di kawasan yang luas dan mempunyai bilangan pengundi yang ramai," katanya.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) pula mengesyorkan supaya dikaji semula undang-undang pilihan raya termasuk setakat mana persempadanan semula menyeleweng daripada semangat Perlembagaan Persekutuan.

--BERNAMA

RAM MAI